



مجلس دائره كريان

MAJLIS DAERAH KERIAN

No. 1, Wisma MDK, Jalan Padang
34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan



Telefon : 05-716 1228
Faks : 05-716 9268
E-mel : pentadbiran@mdkerian.gov.my
Portal : www.mdkerian.gov.my

Rujukan Kami : M.D.Kerian/OSC/L5/24(9)
Tarikh : 17 Rejab 1445
29 Januari 2024

SEPERTI PADA SENARAI EDARAN

Tuan,

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS DAERAH KERIAN BIL.3/2024

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kerian Bil.3/2024 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 7 FEBRUARI 2024 (RABU)
Masa : 9.30 PAGI
Tempat : BILIK ALAMANDA
MAJLIS DAERAH KERIAN

... 3. Bersama-sama ini disertakan **Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kerian Bil.2/2024** serta **Senarai Cadangan Permohonan** yang akan dibentangkan semasa mesyuarat tersebut untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

4. Kehadiran pihak tuan dalam mesyuarat ini amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMMAD REDUAN BIN JAAFAR)
Ketua Unit Pusat Setempat
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

MRJ/2024

-..12-

Rujukan Kami : M.D.Kerian/OSC/L5/24(9)

- | | | |
|------|---|---|
| S.k. | 1. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian | ~ Tuan dimohon mempengerusikan
mesyuarat |
| | 2. Setiausaha Majlis
Majlis Daerah Kerian | ~ Puan dimohon hadir bersama |
| | 3. Ketua Jabatan Penguatkuasa
Majlis Daerah Kerian | ~ Tuan dimohon hadir bersama |
| | 4. Ketua Bahagian Pelesenan
Majlis Daerah Kerian | ~ Puan dimohon hadir bersama |
| | 5. Ketua Unit Undang-Undang
Majlis Daerah Kerian | ~ Puan dimohon hadir bersama |

“PERAK SEJAHTERA 2030”
“PROMISING PERAK” TMP 2024

SENARAI EDARAN

1. Clr. Norsalewati binti Haji Mat Norwani
No.1, Jalan Suria Firus 1
Taman Suria Firus
34200 PARIT BUNTAR
2. Clr. Chua Seok Kheng
No.1, Jalan Kurau Indah 2
Taman Kurau Indah
34350 KUALA KURAU
3. Clr. Muhamad Nakhaie bin Wahab@Abd Wahab
No. 77, Jalan Murni 2
Taman Murni
34200 PARIT BUNTAR
4. Clr. Anuar bin Ahmad
No.3, Jalan Kurau Indah 9
Taman Kurau Indah
34350 KUALA KURAU
5. Pengarah
PLANMalaysia@Perak
Tingkat 7, Bangunan Seri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30646 IPOH
6. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH
7. Pengarah
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak
Jalan Sultan Azlan Shah
31400 IPOH

8. Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak
Tingkat 4, Bangunan Seri Kinta
Jalan Sultan Idris Shah
30000 IPOH
9. Pengurus
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
A-3A-3A, Blok A, Greentown Square
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH
10. Pengarah
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
No.21, Jalan Meru Bestari A14
30020 IPOH
11. Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Perumahan & Hartanah Perak
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH
12. Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Kerian
34200 PARIT BUNTAR
13. Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian
34200 PARIT BUNTAR
14. Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kerian
34300 BAGAN SERAI
15. Ketua Zon 2 Perak
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Lorong Taman Tasik
34000 TAIPING

16. Pengurus Kawasan (Taiping)
Bahagian Pembahagian, TNB
No. 20, Wisma TNB, Jalan Istana Larut
34000 TAIPING
17. Pengurus Wilayah
Lembaga Air Perak Wilayah Barat
Jalan Muzium
34000 TAIPING
18. Pegawai Pertanian Daerah Kerian
Pejabat Pertanian Kerian
Simpang Tiga
34200 PARIT BUNTAR
19. Jurutera Projek
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian
Jalan Matang Buluh
34300 BAGAN SERAI
20. Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap
Majlis Daerah Kerian
21. Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Daerah Kerian
22. Ketua Jabatan Kejuruteraan
Majlis Daerah Kerian
23. Ketua Jabatan Bangunan
Majlis Daerah Kerian
24. Ketua Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Majlis Daerah Kerian

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
MAJLIS DAERAH KERIAN BIL.2/2024**

Tarikh : 24 Januari 2024 (Rabu)
Masa : 9.30 Pagi – 10.45 Pagi
Tempat : Bilik Alamanda
Majlis Daerah Kerian

HADIR

Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh, A.M.P
Yang Dipertua MD Kerian – *Pengerusi*

Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, P.P.T
Setiausaha MD Kerian – *Timbalan Pengerusi*

Encik Muhammad Reduan bin Jaafar
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) – *Setiausaha*

Clr. Norsalewati binti Haji Mat Norwani
Ahli Majlis MD Kerian

Clr. Chua Seok Kheng
Ahli Majlis MD Kerian

Clr. Anuar bin Ahmad
Ahli Majlis MD Kerian

Puan Nurhairyantie binti Hairi
Wakil PLANMalaysia@Perak

Encik Mohd Hafizie bin Mustapha
Wakil Jabatan Mineral dan Geosains Perak (JMG)

Tuan Haji Mohd Sofian bin Mohd Rofaa
Wakil Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Puan Razila binti Asri
Wakil Lembaga Air Perak (LAP)

Encik Mohd Arshad bin Abdullah
Wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Encik Kamarulzaman bin Yahaya
Wakil Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)

Encik Nazrul Fazli bin Talip
Wakil Pejabat Daerah dan Tanah Kerian (PDT)

Puan Nooridayu binti Mulop
Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kerian (JPS)

Encik Muhammad Riduwan bin Ahmad
Wakil Pejabat Pertanian Daerah Kerian

Encik Danial Ariff bin Mustafha
Wakil Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian

TPr Haji Anas bin Dolah
Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap MD Kerian

Encik Abdul Hamid bin Abdullah
Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MD Kerian

Puan Nor Azlita binti Haji Zainal Abidin
Ketua Jabatan Bangunan MD Kerian

Encik Iqbal Nur bin Zamzuri
Ketua Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MD Kerian

Encik Mokhtarudin bin Jamhari
Wakil Ketua Jabatan Kejuruteraan MD Kerian

TURUT HADIR

Puan Izan Hayani binti Abdul Aziz
Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kerian (JPS)

Puan Suhaila binti Md Khalid
PLANMalaysia@Perak

Encik Mohamad Syahrul Asraf bin Osman
Ketua Jabatan Penguatkuasa MD Kerian

Puan Nurul Hidayah binti Azizan
Ketua Unit Undang – Undang MD Kerian

TIDAK HADIR

Clr. Muhamad Nakhaie bin Wahab @ Abd Wahab
Ahli Majlis MD Kerian

Ketua Jabatan Kejuruteraan MD Kerian

Wakil Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak (JAS)

Wakil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Wakil Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP)

Wakil Jabatan Kerja Raya Negeri Perak (JKR)

Wakil Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian (JKR)

URUS SETIA

Encik Amirul Amin bin Khomaruddin
Penolong Jurutera (OSC)

Puan Zaleha binti Abu Talib
Penolong Pegawai Perancang Bandar (OSC)

Encik Muhammad Rasul bin Abdul Latif
Pembantu Tadbir (OSC)

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih ke atas kehadiran semua ahli mesyuarat ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kerian Bil.2/2024 pada hari ini.

Tuan Pengerusi memaklumkan pada 21 – 22 Januari 2024 yang lepas, satu sesi lawatan kerja ke MP Kulai dan BPEN Johor telah dibuat. Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Pengarah UPEN Perak dan turut disertai CEO Perak Invest, PTG Negeri Perak, MDK dan PDT Kerian. Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat sendiri pembangunan industri terancang di Ibrahim Technopolis (IBTEC) yang berkeluasan 7,290 ekar yang dengan nilai pelaburan mencecah RM75 billion. Bagi tahun 2023 sahaja, nilai pelaburan pembangunan IBTEC ini adalah berjumlah RM22 billion.

Kejayaan IBTEC ini disokong dengan pelaksanaan *Kulai Fast Lane* yang merupakan prosedur kelulusan pelan pemajuan dan pengeluaran permit pembinaan yang telah ditambah baik. Sehubungan itu, MDK dan semua agensi teknikal yang terlibat dalam kelulusan pelan pemajuan di Daerah Kerian perlu bersedia dengan pembangunan Kerian Intergrated Industrial Park (KIIP). Di peringkat MDK, Unit OSC juga telah diamanahkan untuk bertindak sebagai sekretariat bagi sebarang perbincangan dan gerak kerja untuk pelaksanaan sistem prosedur kelulusan pelan pemajuan dan pengeluaran permit pembinaan.

MAKLUMAN

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kerian Bil.1/2024 bertarikh 11 Januari 2024 telah disahkan tanpa pindaan.

DISAHKAN

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 1 ~ OSC 24/2023

Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 21(1) Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula Secara Serentak Di Bawah Seksyen 204D KTN Untuk Tujuan Cadangan Skim Perumahan Seluas 5.453 Ekar (2.207 Hektar) Di Atas Lot 12060 (No. Hakmilik : GM 3209), Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Greenview Villa Development Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan MAA Consult

No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KM(BS)26/2023

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/67/23

3.1.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.24/2023 pada 28 Disember 2023 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.1.2 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.1.3 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

(i) wakil JPS memaklumkan pihak pemohon telah mematuhi semua syarat-syarat teknikal dan permohonan ini boleh disokong dengan syarat.

3.1.4 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan** permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang dikehendaki.

Keputusan : LULUS

3.2 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 4 ~ OSC 24/2023

Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Subseksyen 21(1), Akta 172 Bagi Tujuan Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula Secara Serentak Di Bawah Seksyen 204D, KTN Untuk Tujuan Skim Perumahan Seluas 2.31 Ekar (0.9356 Hektar) Di Atas Lot 3629, 3195 & 3196 [No. Hakmilik : GM 9, 1169 & 1486], Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Elite Greenway Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan LA Planners

No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KM(KK)27/2023

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/69/23

3.2.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.24/2023 pada 28 Disember 2023 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.2.2 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.2.3 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

- (i) KJ PRB MDK memaklumkan:
 - (a) perunding telah mengemukakan pelan pindaan pada 23.01.2024 dan selepas semakan masih terdapat beberapa keperluan teknikal yang perlu dipatuhi;
 - (b) kawasan lapang di bahagian belakang lot pemajuan telah dijadikan kepada lot perumahan menyebabkan keluasan kawasan lapang tidak mencukupi; dan
 - (c) pemohon berhasrat untuk menawarkan wang sumbangan bagi menggantikan kawasan lapang yang tidak dapat disediakan secara fizikal di tapak, namun Jabatan berpandangan pemajuan ini masih memerlukan penyediaan kawasan lapang.
- (ii) wakil JPS memaklumkan pemohon masih belum mematuhi Garis Panduan Annex A.
- (iii) wakil LAP memaklumkan pemohon masih belum mengemukakan Maklumat Awalan yang lengkap seperti diperlukan.
- (iv) wakil TNB memaklumkan pemohon masih tidak menyediakan 1 unit pencawang elektrik padat (7m x 5m) seperti disyaratkan.
- (v) Puan Setiausaha MDK memaklumkan:
 - (a) terdapat rumah kampung sedia ada yang terletak di atas lot pemajuan yang perlu diselesaikan oleh pemohon;
 - (b) memandangkan terdapat rumah kampung yang terletak rapat bersebelahan lot pemajuan, pemohon perlu memastikan cadangan '*platform level*' bagi pemajuan ini mengambil kira perumahan kampung sedia ada di kawasan sekitar; dan
 - (c) pemohon perlu memastikan kerja-kerja penambakan dan pembinaan tidak akan menyebabkan rumah kampung bersebelahan menghadapi masalah banjir dan sebagainya.
- (vi) Jawatankuasa bersetuju pemohon perlu meminda pelan dengan menyediakan kawasan lapang sebagai mana pelan asal dan perlu mematuhi ulasan teknikal agensi yang berkaitan.

3.2.4 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Menolak** permohonan ini kerana pihak pemohon gagal mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Perancangan Bandar MDK, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kerian, Lembaga Air Perak dan Tenaga Nasional Berhad.**

Keputusan : TOLAK

3.3 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 5 – 6 ~ OSC 24/2023

Pindaan Kepada Pelan Pertapakan Berlulus No.Ruj: M.D.Kerian/PRB-KM(BS)06/2021(14) Bertarikh 6 Mei 2021 dan Pelan Bangunan Berlulus No.Ruj:MDK/B/32/2021 Bertarikh 14 April 2021 Bagi Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pertapakan dan Pelan Bangunan Secara Serentak Bagi Cadangan Skim Perumahan Mengandungi 88 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Di Atas PT 8636 – PT 8728 (Lot Lama 12582 dan 12583), Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Megah Puri Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Dr. R.A. Malek Architect

No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KM(BS)11/2023 JLD.12

: MDK/B/02/03/21

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/07/21

3.3.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.24/2023 pada 28 Disember 2023 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.3.2 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.3.3 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

(i) wakil BOMBA memaklumkan pelan pematuhan kehendak-kehendak kebomba berkaitan keperluan menunjukkan akses pekakas bomba baru diterima daripada pemohon dan sedang dalam proses semakan Jabatan.

3.3.4 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Menolak** permohonan ini kerana pihak pemohon gagal mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : TOLAK

3.4 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 9 – 10 ~ OSC 24/2023

Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pertapakan dan Pelan Bangunan Secara Serentak Bagi Cadangan Mendirikan 15 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Di Atas Plot 1 – Plot 15 (PT 8308 – PT 8316) Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Pembinaan SPKI Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Arkitek WK Cheah

No. Fail : M.D.Kerian/ PRB-KM(BS)22/2022

: MDK/ B/02/17/23(1)

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/71/23

3.4.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.24/2023 pada 28 Disember 2023 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.4.2 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.4.3 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

- (i) wakil BOMBA memaklumkan pelan pematuhan kehendak-kehendak kebombaaran baru diterima daripada pemohon seperti berikut:
 - (a) perlu menggunakan skala matrik yang dibenarkan di pelan tapak;
 - (b) perlu menyemak semula pernyataan di kehendak kebombaaran hendaklah terkini dan selari dengan projek;
 - (c) perlu menyemak semula kedudukan serta jumlah pili bomba yang dicadangkan;
 - (d) perlu memastikan ketebalan dinding pemisah hendaklah tidak kurang 200mm batu bata;
 - (e) perlu menempatkan alat pemadam api di dalam rumah;
 - (f) perlu menyatakan jumlah pili bomba dan alat pemadam api (alat pemadam api hendaklah di dalam rating yang dibenarkan sahaja); dan
 - (g) perlu mengkaji semula jarak antara pintu keluar belakang premis.

3.4.4 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Menolak** permohonan ini kerana pihak pemohon gagal mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : TOLAK

3.5 NO. KERTAS KERJA: KK 4/ Bil. 8 ~ OSC 24/2023

Pindaan Kepada Pelan Berlulus Kelulusan Pelan No.MDK/B/35/2014 Bertarikh 12 Mac 2014 Bagi Cadangan Pindaan dan Tambahan Kepada Sebuah Kilang Memproses Hasil Laut Setingkat dan Pejabat 2 Tingkat Sediada Di Atas Lot 1744, Mukim Tanjong Piandang, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Tambahan

A) Tingkat 2 Bangunan Pejabat

Pemohon : Tetuan SBH Marine Industries Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Dr. R.A. Malek Architect

No. Fail : MDK/B/05/02 JLD.87

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGS/22/23

3.5.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.24/2023 pada 28 Disember 2023 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.5.2 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.5.3 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

- (i) KJ BGN MDK memaklumkan Jabatan tiada halangan kerana pemohon telah mengemukakan perakuan jurutera berhubung tahap keselamatan struktur kerana ubahsuai melibatkan pertambahan aras kepada bangunan sedia ada.
- (ii) KJ PRB MDK memaklumkan:
 - (a) pemohon telah mengemukakan pelan pindaan namun cadangan TLK yang disediakan masih tidak mencukupi;
 - (b) TLK yang diperlukan adalah 34 unit dan pemohon hanya menyediakan 16 unit TLK iaitu kekurangan 17 unit TLK; dan
 - (c) pemohon bersedia untuk menawarkan wang sumbangan bagi menggantikan 17 unit TLK yang tidak dapat disediakan secara fizikla di tapak, namun tiada surat rayuan rasmi dikemukakan.
- (iii) wakil BOMBA memaklumkan pelan pematuan kehendak-kehendak kebombaan baru diterima daripada pemohon dan dalam semakan Bomba Ipoh.

3.5.4 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Menolak** permohonan ini kerana pihak pemohon gagal mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Perancangan Bandar MDK** dan **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : TOLAK

3.6 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil.2 – 3 ~ OSC 1/2024

Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pertapakan dan Pelan Bangunan Secara Serentak Bagi Cadangan Mendirikan Sebuah Bangunan Kedai 2 Tingkat Di Atas PT 8814, Jalan Pasar, Bandar Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan SK Fresh Super Mart (Bagan Serai) Sdn. Bhd

Perunding : Tetuan Urban Physical Consultant

No. Fail : M.D.Kerian/ PRB-KMT(BS)28/2023

: MDK/B/07/06/149

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/72/23

3.6.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.6.2 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

- (i) KJ PRB MDK memaklumkan pemohon masih belum mengemukakan pelan pindaan bagi pematuan syarat-syarat berikut:
 - (a) perlu menukar empat (4) unit TLK OKU kepada TLK biasa; dan

- (b) perlu menyediakan kaki lima pada hadapan bangunan dan selari dari segi kelebaran dan ketinggian dengan barisan kedai sedia ada di tapak cadangan; dan
 - (ii) KJ BGN MDK memaklumkan pemohon telah meminda tajuk permohonan, walau bagaimanapun surat kebenaran jiran atau akuan bersumpah untuk bertanggungjawab ke atas binaan struktur berkenaan masih belum dikemukakan.
 - (iii) Wakil TNB memaklumkan pemohon masih tidak menyediakan pencawang padat bersaiz 7m x 5m di bahagian belakang bangunan kedai.
 - (iv) wakil SKMM tidak hadir mesyuarat untuk mengemukakan maklum balas terkini berhubung keperluan Pelan Susun Atur Cadangan Infrastruktur Komunikasi yang disahkan oleh perunding bertauliah.
 - (v) wakil BOMBA memaklumkan kehendak-kehendak kebombaian masih belum dipatuhi oleh pemaju seperti berikut:
 - (a) perlu mengadakan 'hose reel' di tingkat 1; dan
 - (b) perlu mengkaji semula pemasangan 'smoke detector'.
- 3.6.3 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan Dengan Pindaan Pelan** sehingga pihak pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Perancangan Bandar MDK, Jabatan Bangunan MDK, Tenaga Nasional Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** serta **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : LULUS DENGAN PINDAAN PELAN
Tindakan: Jab. Perancangan Bandar MDK
Jab. Bangunan MDK, SKMM, TNB & BOMBA

- 3.7 NO. KERTAS KERJA: KK 2/ Bil. 4 ~ OSC 1/2024**
 Cadangan Meroboh dan Membina Semula Kepada 1 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat Sedia Ada Di No.130 (Lot 123), Jalan Menteri, Mukim Bandar Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
 Pemohon : Puan Ku Hawa & Encik Tan Chwee Fang
 Perunding : Encik Chin Hung Sum
 No. Fail : MDK/B/05/01 JLD 21(K)
 No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGS/23/23
-
- 3.7.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.
- 3.7.2 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**
- (i) KJ PRB MDK memaklumkan pemohon masih belum mengemukakan pelan pindaan berhubung cadangan TLK.

- (ii) wakil BOMBA memaklumkan kehendak-kehendak kebombaian masih belum dipatuhi oleh pemaju seperti berikut:
 - (a) ruang tangga hendaklah dikepung dengan tembok bata; dan
 - (b) perlu mengadakan lampu kecemasan di bahagian luar berhadapan pintu keluar di bahagian hadapan dan belakang.
- 3.7.3 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan Dengan Pindaan Pelan** sehingga pihak pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Perancangan Bandar MDK**, dan **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : LULUS DENGAN PINDAAN PELAN
Tindakan: BOMBA &
Jab. Perancangan Bandar MDK

3.8 NO. KERTAS KERJA: KK 2/ Bil. 7 ~ OSC 1/2024

Pelan Siap Bina Kerja-Kerja Tambahan dan Pindaan Tanpa Kebenaran 1 Unit Bangunan Kedai Pejabat Teres 2 Tingkat Sediada Di No. 6A, Di Atas Lot 10717 (GRN 88050) dan Lot 10718 (GRN 88049), Jalan Keli, Taman Kerian Permai, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Datin Aishah binti Yeop Abdul Rahman

Perunding : Encik Adnan bin Saad

No. Fail : MDK/B/05/01 JLD. 21(k)

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/P/04/23(49)

- 3.8.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS DENGAN PINDAAN PELAN.

3.8.2 Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

- (i) KJ BGN MDK memaklumkan pemohon telah mengemukakan pelan pindaan dan mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan.
- (ii) KJ PRB MDK memaklumkan pemohon masih belum mengemukakan pelan pindaan berhubung cadangan TLK.
- (iii) wakil BOMBA memaklumkan kehendak-kehendak kebombaian masih belum dipatuhi oleh pemaju seperti berikut:
 - (a) perlu menunjukkan dengan jelas dimensi dinding pembahagi dalaman;
 - (b) perlu mengadakan lampu kecemasan di luar pintu hadapan dan belakang;
 - (c) perlu menunjukkan dengan jelas binaan yang dirobohkan; dan
 - (d) dinding pemisah yang membawa beban tidak dibenarkan dirobohkan.

- 3.8.3 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan Dengan Pindaan Pelan** sehingga pihak pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Perancangan Bandar MDK**, dan **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : LULUS DENGAN PINDAAN PELAN

Tindakan: BOMBA &

Jab. Perancangan Bandar MDK

3.9 NO. KERTAS KERJA: KK 3/ Bil. 1 – 2 ~ OSC 20/2023

Permohonan Penamaan Skim Pembangunan/ Taman dan Cadangan Nama Jalan Bagi Skim Pemajuan Bercampur Yang Mengandungi:

- A) 12 Unit Kedai/Pejabat 2 Tingkat (Plot 1 – 12)
- B) 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Plot 13 – 32)
- C) 35 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Plot 33 – 67)
- D) 1 Unit Pencawang Elektrik Jenis Padat

Di Atas Lot 10085 (No. Hakmilik : GM 7855), Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan KY Maju Development Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Emily Ooi Architect

No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KM (BS) 37/2022

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/51/23

- 3.9.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 pada 11 Januari 2024 dan diputuskan LULUS PENUH.

- 3.9.2 **Kertas Kerja ini telah dibentangkan semula dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**

- (i) KJ PRB MDK memaklumkan:

- (a) terdapat keperluan bagi mempertimbangkan semula kelulusan nama jalan yang telah diluluskan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.1/2024 yang lepas;
- (b) pemerhatian di tapak mendapati nama jalan yang digunakan adalah Jalan Emas, namun terdapat papan tanda nama jalan yang menggunakan nama Jalan Serai Emas dan Jalan Emas;
- (c) berdasarkan semakan ke atas Sistem MARRIS, nama yang didaftarkan adalah Jalan Emas;
- (d) Jabatan mengesyorkan cadangan kelulusan nama jalan dipinda kepada Jalan Emas & Jalan Emas 6 – 9.

- (ii) Tuan Pengerusi mengarahkan Jab. Kejuruteraan MDK untuk menggantikan papan tanda nama jalan yang betul dengan segera.

- 3.9.3 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan** permohonan penamaan Nama Jalan bagi pemajuan ini seperti berikut:

Nama Jalan

Jalan Emas & Jalan Emas 6 - 9

Keputusan : LULUS

4.0 PEMBENTANGAN DAN PERTIMBANGAN KERTAS KERJA

A. Permohonan Serentak (KK 1/ Bil. 1 – 6 ~ OSC 2/2024)

4.1 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 1 – 2 ~ OSC 2/2024

Permohonan Kebenaran Merancang Pelan Pertapakan dan Pelan Bangunan Secara Serentak Bagi Cadangan Skim Perniagaan Yang Mengandungi:

A) 16 Unit Kedai Desa 2 Tingkat

B) 1 Unit Pencawang Elektrik Padat

Di Atas Sebahagian Lot 2623, Mukim Bagan Tiang, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Premier Topvest Development Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan KH Goh Architect

No. Fail : M.D.Kerian/ PRB-KM(BT)06/2023

: MDK/B/02/18/23

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/ OSC/S2/73/23

4.1.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

(i) KJ BGN MDK memaklumkan permohonan ini tidak dapat disokong sehingga pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal berikut:

(a) perlu menyediakan *ramp* OKU di bahagian kaki lima kedai dan *ramp* perlu berdekatan dgn kawasan TLK OKU;

(b) ukuran lebar minima kaki lima tidak mematuhi UUK 38, UKBS 1988;

(c) tidak menunjukkan dengan jelas keperluan pengudaraan pada ruang tangga; dan

(d) perlu menunjukkan longkang/ saluran beserta anak panah aliran pada keliling bangunan di atas pelan lantai.

(ii) wakil BOMBA memaklumkan kehendak-kehendak kebombaian masih belum dipatuhi oleh pemaju seperti berikut:

(a) perlu mengadakan lampu tanda keluar di setiap pintu keluar;

(b) perlu mengadakan lampu kecemasan di semua pintu keluar (luar bangunan); dan

(c) dinding bagi tangga hendaklah dikepung dan dinaikkan sehingga paras bumbung.

4.1.2 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan Dengan Pindaan Pelan** sehingga pihak pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Bangunan MDK** dan **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : LULUS DENGAN PINDAAN PELAN
Tindakan: Jab. Bangunan MDK & BOMBA

4.2 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 3 – 4 ~ OSC 2/2024

Permohonan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad dan Permit Bangunan Sementara Secara Serentak Bagi Binaan Tanpa Kebenaran Sebuah Bangunan Pusat Pendaratan Ikan dan Penjualan Hasil Laut 3 Tingkat Di No. 58 (L.M.S A04/2023/144), Bagan Seberang, Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Sin Hai Huat Fishery Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Dr. R.A Malek Architect

No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KMT(KK)01/2024

: MDK/ B/04/397

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/01/24

4.2.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

- (i) KJ PRB MDK memaklumkan:
 - (a) pemohon tidak menyediakan tiga (3) kaki ruang kelegaan di antara bangunan bagi tujuan laluan kecemasan seperti mana GPP Pembangunan Di Muara Sungai Negeri Perak; dan
 - (b) memandangkan bangunan merupakan binaan sedia ada dan reka bentuk bangunan jenis struktur terbuka di bahagian hadapan dan belakang bangunan, permohonan ini disyorkan untuk kelulusan KM Tempoh Terhad tertakluk kepada syarat-syarat teknikal Jabatan yang lain.
- (ii) wakil JPS memaklumkan Jabatan tidak menyokong kerana pemohon tidak memenuhi Garis Panduan Annex A.
- (iii) wakil BOMBA memaklumkan permohonan ini dalam semakan Bomba Ibu Pejabat.
- (iv) wakil TNB memaklumkan:
 - (a) pemohon perlu menyediakan satu (1) unit pencawang TNB jenis padat bersaiz 7m x 5m; dan
 - (b) bagi pemajuan di atas tanah L.M.S, penyediaan pencawang TNB boleh dibuat secara pajakan. Proses permohonan pajakan ini akan dibuat oleh TNB dan dibantu oleh pemohon dan pemilik tanah.
- (v) Jawatankuasa memutuskan pemohon perlu menyediakan pencawang elektrik jenis padat mengikut keperluan TNB, Walau bagaimanapun, permohonan pajakan tanah daripada PDT Kerian perlu dibuat oleh pihak TNB.

4.2.2 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan Dengan Pindaan Pelan** sehingga pihak pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : LULUS DENGAN PINDAAN PELAN
Tindakan: BOMBA

4.3 NO. KERTAS KERJA: KK 1/ Bil. 5 – 6 ~ OSC 2/2024

Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Struktur Pemancar Telekomunikasi Bagi Cadangan Pembinaan Struktur Pemancar Telekomunikasi '3 *Legged Tower*' Setinggi 45 Meter Berserta Peralatan Telekomunikasi Di Atas Sebahagian Lot 17418, Sungai Baru Darat, Mukim Tanjung Piandang, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan NST Datacara Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Dr. R.A Malek Architect

No. Fail : M.D.Kerian PRB-KMT(TP)02/2024

: MDK/B/04/398

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/ OSC/S2/02/24

4.3.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

(i) KJ PRB MDK memaklumkan permohonan KM Tempoh Terhadap ini adalah serentak dengan Permit Sementara Bangunan dan pemohon telah mematuhi semua syarat-syarat teknikal yang ditetapkan.

(ii) KJ BGN MDK memaklumkan pemajuan ini dikenakan bayaran denda 20 kali ganda fi memproses Pelan Bangunan berjumlah RM3,500.00 dan kompaun berjumlah RM5,000.00 kerana struktur menara telah didirikan sebelum mendapat kelulusan Majlis.

4.3.2 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan** permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang dikehendaki.

4.3.3 Jawatankuasa juga memutuskan permohonan ini dikenakan **Kebenaran Merancang Tempoh Terhadap dengan fi tahunan sebanyak RM250.00 setahun** dan **Bayaran Permit Sementara Bangunan dengan fi tahunan sebanyak RM2,500.00 setahun** yang perlu diperbaharui setiap tahun.

4.3.4 Jawatankuasa turut memutuskan pelan dan surat kelulusan tidak akan dilepaskan sehingga pihak pemaju **menjelaskan bayaran denda 20 kali ganda fi Pelan Bangunan berjumlah RM3,500.00 dan bayaran kompaun kesalahan berkaitan pembinaan bangunan baru berjumlah RM5,000.00** kepada Majlis.

Keputusan : LULUS

B. Pelan Bangunan (KK 2/ BIL. 1 – 2 ~ OSC 2/2024)

4.4 NO. KERTAS KERJA: KK 2/ Bil. 1 ~ OSC 2/2024

Pindaan Pelan Bangunan Berlulus (No. Ruj: MDK/B/88/2023) Bertarikh 29 Ogos 2023 Bagi Cadangan Skim Pembangunan Bercampur Yang Mengandungi:

- A) 316 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A (Plot 141 - 219) (PT 9215-9293) (Plot 302 - 435) (PT 9376 - 9509) (Plot 505 - 607) (PT 9579 - 9681)
- B) 60 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B (Plot 664 - 723) (PT 9738 - 9797)
- C) 56 Unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B1 (Plot 608 - 663) (PT9682 - 9737)
- D) 126 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis C (Plot 84 - 140 & Plot 436 - 504) (PT 9158 - 9214 & PT 9510 - 9578)
- E) 82 Unit Rumah Teres 2-Tingkat Jenis D (Plot 220 - 301) (PT 9294 - 9375)
- F) 38 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Plot 724 - 761) (PT 9798 - 9835)

G) 83 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat (Plot 1- 83) (PT 9075 - 9157)

Di Atas Tanah Kerajaan, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Perunding : Tetuan ALM Architect

No. Fail : MDK/B/02/02/18 JLD 2

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGN/04/18

4.4.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

(i) KJ BGN MDK memaklumkan:

- (a) permohonan ini merupakan pindaan reka bentuk balkoni bagi 8 unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis C; dan
- (b) permohonan ini disokong untuk pertimbangan tertakluk kepada UKBS 1988.

4.4.2 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan** permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang dikehendaki.

Keputusan : LULUS

4.5 NO. KERTAS KERJA: KK 2/ Bil. 2 ~ OSC 2/2024

Pindaan Kepada Pelan Bangunan Berlulus No. Rujukan MDK/B/60/2023 Bertarikh 24 Mei 2023 Bagi Cadangan Membina Satu Unit Bengkel Kereta 1 Tingkat Di Atas Lot 3112 (No. Hakmilik 21240), Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pindaan Melibatkan

A) Tambahan Ruang Bangunan Di Kiri dan Kanan Bangunan (Kawasan Anjakan Bangunan)

B) Ruang Tandas Dibatalkan

C) Tambahan Dinding Jenis Kepingan *Metal Deck* Di Gridline 3/A1-E

Pemohon : Tetuan Lam Hua Realty & Development (KRIAN) Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Diversity ES Consultancy

No. Fail : MDK/B/60/2023

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGS/04/23

4.5.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

(i) KJ BGN MDK memaklumkan permohonan ini tidak dapat disokong sehingga pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal berikut:

(a) meminda tajuk permohonan kepada "*Cadangan Pindaan dan Tambahan*" kerana bangunan sedia ada telah digunakan serta beroperasi dan bukan lagi dalam pembinaan; dan

(b) pemohon perlu mengemukakan surat kebenaran jiran atau perakuan bertanggungjawab berkaitan tambahan ruang yang dibina hingga ke sempadan lot berjiran.

(ii) wakil BOMBA memaklumkan kehendak-kehendak kebombaannya masih belum dipatuhi oleh pemaju seperti berikut:

(a) perlu mengkaji semula had jarak perjalanan (*dead end limit*) yang hendaklah tidak melebihi 15 meter;

(b) perlu menunjukkan pengiraan beban pendudukan bagi menentukan jumlah serta saiz pintu keluar; dan

(c) perlu mengadakan lampu kecemasan di bahagian luar premis pintu keluar dan masuk.

4.5.2 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan Dengan Pindaan Pelan** sehingga pihak pemohon mematuhi syarat-syarat teknikal **Jabatan Bangunan MDK** dan **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.

Keputusan : LULUS DENGAN PINDAAN PELAN
Tindakan: Jab. Bangunan MDK & BOMBA

C. Permohonan – Permohonan Lain (KK 3/ BIL. 1 – 3 ~ OSC 2/2024)

4.6 NO. KERTAS KERJA: KK 3/ Bil. 1 – 2 ~ OSC 2/2024

Permohonan Penamaan Skim Pembangunan dan Jalan Bagi Cadangan
Mendirikan Skim Perniagaan:

FASA 1

A) 16 Unit Kedai 2 Tingkat

B) 14 Unit Kedai 2 Tingkat

FASA 2

A) 16 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat

B) 3 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat

C) 1 Plot Perniagaan

DI Atas Lot 3280 – 3295 , Lot 3262 – 3275, 3251 – 3258, 3260, 3261,
3278, 3279 dan 3298 Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul
Ridzuan.

Pemohon : Tetuan Sun North Development Sdn. Bhd.

Perunding : Tetuan Khengsoon Architect

No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KM(PB)19/2022

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/25/23

4.6.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:

- (i) KJ PRB MDK memaklumkan Jabatan bersetuju dengan cadangan nama taman dan jalan yang dicadangkan oleh pemaju iaitu Pusat Perniagaan Kerian Mewah dan Jalan Mewah 1 & 2.
- (ii) Tuan Pengerusi berpandangan cadangan nama taman yang dikemukakan oleh pemohon tidak sesuai digunakan kerana lokasi dan keluasan skim pemajuan adalah kecil.
- (iii) Jawatankuasa berbincang dan memutuskan pemajuan ini dinamakan seperti berikut:

Nama Taman

Pusat Komersial Kerian Utama

Nama Jalan

Jalan Kerian Utama 1

Jalan Kerian Utama 2

4.6.2 Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan permohonan penamaan Nama Taman dan Nama Jalan bagi pemajuan ini seperti berikut:**

Nama Taman

Pusat Komersial Kerian Utama

Nama Jalan

Jalan Kerian Utama 1

Jalan Kerian Utama 2

Keputusan : LULUS

- 4.7 NO. KERTAS KERJA: KK 3/ Bil. 3 ~ OSC 2/2024**
(Pemutihan) Permohonan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad dan Permit Sementara Bangunan Secara Serentak Bagi Pembinaan 'Kampung Stay' Di Daerah Kerian.
~ *Pelan Lakaran 'Kampung Stay'* ~
-
- 4.7.1 Kertas Kerja ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK OSC Bil.2/2024 pada 24 Januari 2024 seperti berikut:**
- (i) KJ PRB MDK memaklumkan:
- (a) Jabatan telah menerima tiga permohonan di bawah program pemutihan 'Kampung Stay' di Daerah Kerian yang dikemukakan secara pelan lakaran;
 - (b) permohonan ini diterima sebelum tarikh akhir program pemutihan iaitu 31 Disember 2023; dan
 - (c) senarai permohonan 'Kampung Stay' beserta bayaran KM Tempoh Terhad dan Bayaran Permit Sementara Bangunan yang telah diluluskan dan disyorkan untuk pengesahan adalah seperti dalam jadual berikut:
- | | | | |
|----|---------------|---|--|
| 1. | Pemohon | : | Encik Mohd Azlan bin Ahmad Zaki |
| | Alamat Premis | : | Lot 2166 PT Sungai Labu Bawah
Bagan Tiang, 34250 Tanjung Piandang |
| | No. Ruj | : | MDK/PRB 3-6/01 PB (85) |
| | Tarikh Terima | : | 28.12.2023 |
| | Bayaran KMT | : | RM75.00 (Pengurangan 50%) |
| | Bayaran PSB | : | RM50.00 |
| 2. | Pemohon | : | Puan Fatimah binti Ali |
| | Alamat Premis | : | Lot 2167, Mukim Baagan Tiang
34200 Parit Buntar |
| | No. Ruj | : | MDK/PRB 3-6/01 PB (81) |
| | Tarikh Terima | : | 27.12.2023 |
| | Bayaran KMT | : | RM150.00 (Pengurangan 50%) |
| | Bayaran PSB | : | RM83.00 |
| 3. | Pemohon | : | Puan Norsiah binti Taharim |
| | Alamat Premis | : | Lot 2638, Sungai Burong, Mukim Tanjung Piandang,
Daerah Kerian |
| | No. Ruj | : | MDK/PRB 3-6/01 TP (64) |
| | Tarikh Terima | : | 29.12.2023 |
| | Bayaran KMT | : | RM100.00 (Pengurangan 50%) |
| | Bayaran PSB | : | RM105.00 |
- 4.7.2** Setelah disemak dan diteliti, Jawatankuasa berbincang dan bersetuju untuk **Meluluskan** permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang dikehendaki.
- 4.7.3** Jawatankuasa juga memutuskan permohonan ini dikenakan **Kebenaran Merancang Tempoh Terhad** dan **Bayaran Permit Sementara Bangunan** yang perlu diperbaharui setiap tahun.

Keputusan : LULUS

5.0 PEMAKLUMAN OLEH ATD PERMOHONAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK REKOD

5.1 NO. KERTAS KERJA: KK 4/ Bil. 1 ~ OSC 2/2024

Pelan Konkrit Tetulang (R.C.) Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Kediaman Setingkat Di Atas Sebahagian Lot 15357 Mukim Bagan Serai Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Encik Mohamad Taqiyudin bin Ismail.

Perunding : Tetuan Perunding Sahabat

No. Fail : MDK/B/01/466

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGS/6/23

- 5.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.2/2024 yang bersidang pada hari ini bersetuju **Memperakukan Konkrit Tetulang** bagi pemajuan ini yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.9/2023 bertarikh 11/05/2023.

Keputusan : DIPERAKUKAN

5.2 NO. KERTAS KERJA: KK 4/ Bil. 1 ~ OSC 2/2024

Pelan Konkrit Tetulang (R.C.) Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Kediaman Setingkat Di Atas Sebahagian Lot 8042 Wilayah Taman Desa Mekar, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Puan Noor Hasimah binti Jilani

Perunding : Tetuan Perunding Sahabat

No. Fail : MDK/B/01/465

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGS/5/23

- 5.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.2/2024 yang bersidang pada hari ini bersetuju **Memperakukan Konkrit Tetulang** bagi pemajuan ini yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.8/2023 bertarikh 28/04/2023.

Keputusan : DIPERAKUKAN

5.3 NO. KERTAS KERJA: KK 4/ Bil. 1 ~ OSC 2/2024

Pelan Konkrit Tetulang (R.C.) Bagi Cadangan Membina Sebuah Rumah Kediaman Setingkat Di Atas Sebahagian Lot 7586, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

Pemohon : Encik Muhamad Syamil Sufi bin Zolkifle

Perunding : Tetuan Perunding Sahabat

No. Fail : MDK/B/01/472

No. Rujukan OSC : M.D.Kerian/OSC/BGS/14/23

- 5.3.1 Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.2/2024 yang bersidang pada hari ini bersetuju **Memperakukan Konkrit Tetulang** bagi pemajuan ini yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.16/2023 bertarikh 29/08/2023.

Keputusan : DIPERAKUKAN

6.0 PEMAHLUMAN PERMOHONAN YANG DILULUSKAN DI PERINGKAT JABATAN UNTUK DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA OSC

Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.2/2024 bersetuju mengesahkan kelulusan permohonan yang telah diluluskan di peringkat Jabatan seperti berikut:

1. Permohonan Pelan Landskap Bagi Cadangan Mendirikan:
A) 12 Unit Kedai/ Pejabat 2 Tingkat (Plot 1 – 12)
B) 20 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (Plot 13 – 23)
C) 35 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Plot 33 – 67)
D) 1 Unit Pencawang Elektrik Jenis Padat
Di Atas Lot 10085 (No. Hakmilik: GM 7855) Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
Pemohon : Tetuan KY Maju Development Sdn. Bhd.
No. Fail : M.D.Kerian/PRB-KM(BS)37/2022
No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/51/23
Tarikh Terima : 05.01.2024
Tarikh Lulus : 23.01.2024
2. Permohonan Permit Sementara Untuk Cadangan Membina Bangunan Sementara Yang Mengandungi:
1) 5 Unit Rumah Pekerja 1 Tingkat
2) 1 Unit Tempat Mandi 1 Tingkat
3) 2 Unit Tandas 1 Tingkat
4) 1 Unit Pejabat Tapak 1 Tingkat
Bagi Cadangan Mendirikan:
FASA 1
A) 4 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat
B) 14 Unit Rumah Teres 1 Tingkat
FASA 2
A) 4 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat
B) 12 Unit Rumah Teres 1 Tingkat
FASA 3
A) 10 Unit Rumah Teres 1 Tingkat
Di Atas Lot 7527 & 7528, Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
Pemohon : Tetuan Jelita Bina Sdn. Bhd.
No. Fail : MDK/B/02/15/23
No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/S2/54/23
Tarikh Terima : 18.01.2024
Tarikh Lulus : 23.01.2024
3. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 1, Jalan Jaya 1/1, Taman Aman Jaya 1, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
Pemohon : Puan Nur' Atiqah binti Ahmad Bukri
No. Fail : MDK/B/06/01 Jld.52 (46)
No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/23(165)
Tarikh Terima : 26.12.2023
Tarikh Lulus : 29.12.2023
4. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 2A, Lintang Anggerik 3, Taman Anggerik, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
Pemohon : Encik Zamzuri bin Ibrahim
No. Fail : MDK/B/06/01.Jld 52(49)
No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/23(166)
Tarikh Terima : 26.12.2023
Tarikh Lulus : 29.12.2023
5. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 66, Lintang Kerian Putra 7, Taman Kerian Putra, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
Pemohon : Encik Mohamad Zahiruddin bin Ahmad Sha'arani
No. Fail : MDK/B/06/01.Jld 52(52)
No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/23(167)
Tarikh Terima : 26.12.2023
Tarikh Lulus : 29.12.2023

6. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 3, Jalan Damai 7, Taman Damai 3 Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
 Pemohon : Encik Khor Bak Cheang dan Puan Khor Joo Beng
 No. Fail : MK/B/06/01.Jld 52(55)
 No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/23(168)
 Tarikh Terima : 28.12.2023
Tarikh Lulus : 29.12.2023
7. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 8, Lintang Kerian Putra 19, Taman Kerian Putra, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
 Pemohon : Puan Yogeswary A/P Marimuthu & Encik Ganesan A/L Krishnan
 No. Fail : MDK/B/06/01.Jld 52(58)
 No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/24(1)
 Tarikh Terima : 08.01.2024
Tarikh Lulus : 11.01.2024
8. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 46, Lintang Kerian Putra 5, Taman Kerian Putra, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
 Pemohon : Encik Muhamad Suhid bin Jamil & Nurul Aziatulamira binti Abd Aziz
 No. Fail : MDK/B/05/01.Jld 89(9)
 No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/24(2)
 Tarikh Terima : 11.01.2024
Tarikh Lulus : 18.01.2024
9. Permohonan Membaiki/ Menambah Bangunan Di No. 244-C, Jalan Besar, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
 Pemohon : Encik Ong Ah Teik
 No. Fail : MDK/B/06/02.Jld 48(2)
 No. Ruj OSC : M.D.Kerian/OSC/P/06/23(169)
 Tarikh Terima : 28.12.2023
Tarikh Lulus : 08.01.2024

7.0 HAL– HAL LAIN

7.1 Cadangan Pembentangan Kertas Kerja

Ketua Unit OSC memaklumkan berkenaan senarai kertas kerja yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang untuk perhatian dan tindakan Jabatan/ Agensi Teknikal terlibat.

Makluman

7.2 Pencapaian Permohonan

Ketua Unit OSC memaklumkan bagi tahun 2024, sebanyak 22 permohonan pelan pemajuan telah diterima dan 11 permohonan telah dibuat keputusan. Sebanyak 11 permohonan (100.00%) telah berjaya diselesaikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan oleh KPKT.

Makluman

7.3 **Aktiviti Kerja Tanah Tanpa Kebenaran Di Bukit Merah**

KJ PRB MDK memaklumkan pemilik tanah dalam proses melantik jurutera dan jurukur bagi urusan permohonan pelan pemajuan.

Tuan Pengerusi memaklumkan satu tempoh masa perlu ditentukan dan surat berhubung tempoh masa tersebut perlu dikeluarkan oleh Jabatan kepada pemilik tanah. Ini untuk mengelakkan pemilik tanah dan perunding yang dilantik mengambil masa yang lama untuk mengemukakan pelan pemajuan berkenaan.

Tindakan:

Jab. Perancangan Bandar MDK

7.4 **Program Pemutihan 'Kampung Stay' Daerah Kerian**

KJ BGN MDK memaklumkan pengeluaran kompaun akan dibuat setelah nilai kompaun dibincang dan diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan MDK yang akan datang.

Tindakan:

Jab. Bangunan MDK

7.5 **Chalet Terapung di Kuala Gula**

Wakil PDT Kerian memaklumkan, semakan mendapati pengusaha chalet tidak pernah membuat apa-apa permohonan kepada PDT Kerian bagi mengusahakan chalet berkenaan. Sehubungan itu, PDT Kerian akan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 425, KTN kerana menceroboh/menduduki tanah kerajaan dan tanah rizab secara tidak sah kepada pengusaha chalet.

Tuan Pengerusi memaklumkan Jabatan Perancangan Bandar MDK dan Jabatan Bangunan MDK perlu bersama-sama PDT Kerian bagi tindakan pengeluaran notis kepada pengusaha chalet berkenaan.

Tindakan:

Jab. Perancangan Bandar MDK,

Jab. Bangunan MDK & PDT

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.45 Pagi

Urus Setia
Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Majlis Daerah Kerian

24 Januari 2024

**SENARAI PERMOHONAN YANG AKAN DIBENTANGKAN DALAM
MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS DAERAH KERIAN BIL.3/2024**

BIL	RUJUKAN FAIL	TARIKH PERMOHONAN	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	JABATAN/ AGENSI
PELAN BANGUNAN					
1.	OSC/S2/25/22	15/01/2024	Tetuan Sun North Development Sdn. Bhd.	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Bangunan Berlulus Bernombor MDK/8/02/0722 Bertarikh 14 Julai 2023 Bagi Cadangan Skim Pembangunan Bercampur Fasa 1 Yang Mengandungi: A) 16 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat B) 14 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat Di Atas Lot 3280 – 3295 Dan Lot 3262 – 3275, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Pindaan melibatkan: 1) Perubahan Pada Tangga 2) Perubahan Pada 'Roller Shutter' Kepada 'Aluminium Frame Glass Door'	• Jab. Bangunan • JBPM
2.	OSC/S2/47/22	15/01/2024	Tetuan Sun North Development Sdn. Bhd.	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Bangunan Berlulus Bernombor M.D Kerian.B/02/07/23(07) Bertarikh 14 Julai 2023 Bagi Cadangan Skim Perniagaan (Fasa 2) Yang Mengandungi: A) 16 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat B) 3 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat C) 1 Plot Perniagaan Di Atas Lot 3251-3258, 3260, 3261, 3278, 3279 & 3298, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan Pindaan Melibatkan: 1) Perubahan Pada Tangga 2) Perubahan Pada 'Roller Shutter' Kepada 'Aluminium Frame Glass Door' 3) Perubahan Pada Bumbung Pada Type A, Type E dan Type F	• Jab. Bangunan • JBPM

BIL	RUJUKAN FAIL	TARIKH PERMOHONAN	PEMOHON	TAJUK PERMOHONAN	JABATAN/ AGENSI
PELAN KERJA TANAH					
3.	OSC/PJ/01/24	12/01/2024	Tetuan Premier Topvest Development Sdn. Bhd.	Pelan Kerja Tanah Untuk Cadangan Skim Perniagaan Seluas 1.44 Ekar (0.5845 Hektar), Di Atas Lot 2623, Mukim Bagan Tiang, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan	• Jab. Kejuruteraan • Jab. Perancangan Bandar & Landskap • JKR (Kerian) • JMG • JPS
PELAN JALAN DAN PARIT					
4.	OSC/PJ/01/24	12/01/2024	Tetuan Premier Topvest Development Sdn. Bhd.	Pelan Jalan dan Parit Untuk Skim Perniagaan Seluas 1.44 Ekar (0.5845 Hektar), Di Atas Lot 2623, Mukim Bagan Tiang, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan	• Jab. Kejuruteraan • Jab. Perancangan Bandar & Landskap • JKR (Kerian) • JPS
PELAN LAMPU JALAN					
5.	OSC/PJ/17/22	08/01/2024	Tetuan Hartawan Dinasti Sdn. Bhd	Pelan Lampu Jalan Bagi Cadangan Membina Skim Perumahan Yang Mengandungi: i) 1 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Jenis A (PT 9454) ii) 8 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Jenis B (PT 9455 - PT 9458 & PT 9461 – PT 9464) iii) 2 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Jenis C (PT 9459 & PT 9460) iv) 2 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Jenis D (PT 9465 & PT 9475) v) 9 Unit Rumah Teres Satu Tingkat Jenis E (PT 9466 – PT 9474) Di Atas Lot PT 9454 – PT 9475 & PT 9478, Mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan	• Jab. Kejuruteraan